

1. **Saya baru lagi menjadi ahli kad kredit Citibank, berapakah caj kewangan yang akan dikenakan kepada saya?**

Bagi ahli kad kredit Citibank yang baharu, mereka akan dikenakan caj kewangan 18% setahun. Caj kewangan bertingkat yang berkenaan hanya akan mula dikenakan setelah anda mempunyai rekod pembayaran balik minimum 10 bulan dengan Citibank.

2. **Saya sudah menjadi ahli kad kredit Citibank, tetapi belum lagi mempunyai rekod pembayaran balik 12 bulan dengan Citibank, jadi berapakah kadar caj kewangan akan dikenakan kepada saya?**

Caj kewangan sebanyak 18% setahun akan dikenakan kepada anda sehinggalah anda mempunyai rekod pembayaran minimum 10 bulan dengan Citibank.

3. **Jika saya tidak membuat apa-apa transaksi menggunakan kad kredit saya selama satu bulan atau lebih dalam masa 12 bulan lalu tetapi saya cepat membayar jumlah lebih daripada atau bersamaan pembayaran balik minimum atas baki belum jelas bulanan saya dalam bulan yang sama, berapakah kadar harga bertingkat yang akan dikenakan kepada saya?**

15% setahun, asalkan anda membayar cepat dengan jumlah lebih daripada atau bersamaan pembayaran minimum atas jumlah baki belum jelas anda untuk 12 bulan berturut-turut walaupun tidak ada transaksi dibuat selama satu bulan atau lebih.

4. **Kadar yang dikenakan kepada saya sekarang 17% setahun. Jika saya bayar penuh sekarang dan saya tidak menggunakan kad selama 12 bulan akan datang (tiada guna = tiada bayaran), adakah kadar itu akan diturunkan kepada 15% setahun atau kekal pada 17% setahun?**

Kadar caj kewangan bertingkat ialah 15% setahun jika kad tidak digunakan, dan tiada baki belum jelas berdasarkan rekod pembayaran balik 12 bulan.

5. **Jika saya lambat membuat satu bayaran, saya tidak akan menikmati caj kewangan 15% setahun sehinggalah saya telah membuat 12 bayaran cepat berturut-turut?**

Ya kerana caj kewangan berkenaan akan berdasarkan rekod pembayaran balik 12 bulan.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi CitiPhone di talian 03-2383 0000 (Kuala Lumpur), 04-296 0000 (Pulau Pinang), 07-268 0000 (Johor Bahru), 1 800 82 1010 (Sabah & Sarawak)